

JAKIM



**Penutupan Majlis Tilawah
Al-Quran dan Hafazan Peringkat
Kebangsaan (MTQHK) telah
dirasmikan oleh Tengku Mahkota
Pahang, Tengku Hassanah
Ibrahim Alam Shah Al-Sultan
Abdullah Ri'ayatuddin
Al-Mustafa Billah Shah**

MEJA PENGARANG

Assalamualaikum WBT,

Dengan penuh rasa syukur, edisi terkini Buletin JAKIM Bil. 2 tahun 2024 telah berjaya diterbitkan. Edisi ini membentangkan serba sedikit maklumat pelbagai program dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang bulan April hingga Jun 2024.

Buletin ini menjadi wadah bulanan untuk merenung kembali pencapaian, cabaran dan harapan pihak JAKIM. Dalam tempoh ini, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan untuk memperkukuh kefahaman dan pengamalan agama serta mengeratkan hubungan antara pihak JAKIM dan masyarakat.

Justeru itu, JAKIM ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang masa dan tenaga dalam menjayakan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tempoh tersebut. Sokongan dan penyertaan aktif dalam kalangan masyarakat serta kerja keras daripada pasukan JAKIM menjadi faktor utama terhadap kejayaan ini. Diharapkan buletin ini dapat memberikan kefahaman yang lebih bermakna mengenai segala aktiviti dan inisiatif pihak JAKIM kepada masyarakat.

Akhir kalam, semoga kita semua diberikan kekuatan dan hidayah dalam melaksanakan amanah Allah SWT di muka bumi ini. Marilah kita berusaha memperbaiki diri dan sentiasa memberikan sumbangan yang terbaik kepada agama dan seluruh masyarakat.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Datin Paduka Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)

PENASIHAT

Dr. Haji Ruslan Bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))

KETUA PENGARANG

Azman Bin Mat Hassan
(Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM)

PENGARANG

Khairul Azman Bin Azizan

PENOLONG PENGARANG

Nur Madiah Binti Rakes Junaidi

PENYUNTING

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim

PENGURUS EDARAN

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan

PEMBANTU EDARAN

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan

ISI KANDUNGAN

ms4

Majlis Tilawah Al-Quran Dan Hafazan
Peringkat Kebangsaan (MTQHK) Tahun
1445H/2024M

ms5

International Conference Of Religious
Leaders Dan Majlis Ulama Asia 2024

ms6

Program *Halal On Track* (HOT)

ms7

JAKIM Perkukuh Kerjasama Sektor
Halal Bersama Kerajaan Arab Saudi

ms8

Majlis Pra Pelancaran Majlis Tilawah
Al-Quran Dan Hafazan Peringkat
Kebangsaan (MTQHK) Tahun
1445H/2024M

ms9

Keterujaan Di Pavilion Al-Falah – Ekspo Buku
Dan Pameran Agensi Pengurusan Hal Ehwal
Islam Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala
Lumpur Kali Ke-41 Tahun 2024 (PBAKL24)

ms10

Program Santuni Komuniti Madani Di
Pulau Perhentian, Terengganu

ms11

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
(APC) Agensi-Agensi Di Bawah Menteri
Di Jabatan Perdana Menteri (HAL EHWAL
AGAMA)

ms12

Program Anak Muda Hero Keluarga
Sempena Sambutan Hari Bapa 2024

ms13

Projek Digital Entrepreneurship Asnaf
Dea Tajaan Maybank Islamic Berhad

ms14

Projek Jana Ekonomi Digital Asnaf (JEDA)

ms15

Persidangan Jawatankuasa Penyelarasan
Pendidikan Islam Kebangsaan MKI Kali
Ke-60 Mengangkat Martabat Institusi
Pendidikan Islam

ms16

Kunjungan Hormat H.E. Mr. Md. Shameem
Ahsan, Pesuruhjaya Tinggi, Kedutaan
Bangladesh Di Malaysia Ke JAKIM.

ms17

Kunjungan JAKIM Ke Institut Kemahiran
Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)

ms18

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal
Ehwal Islam Kebangsaan (JAPHEIK)
Kali Ke- 4.

ms19

Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis
Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam
Kali Ke-124, Kuching, Sarawak

ms20

Sesi Libat Urus Kajian Pemerkasaan
Pengurusan Hal Ehwal Islam Di Malaysia

ms21

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat
Akademik Darul Quran

ms22

Kunjungan Hormat Timbalan Ketua
Pengaroh (Operasi) JAKIM Ke Institut
Kanser Negara (IKN), Putrajaya

ms23

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad
Tahfiz Al-Quran Negeri Ke- 42

ms24

Persidangan Ketua-Ketua Pendaftar
Nikah Cerai Ruju' (KPNCR) Kali Ke-48

ms25

Program Citra Kasih Belia Zon Timur
Tahun 2024

ms26

Senarai Pertukaran Keluar Dan Masuk
Pegawai Di JAKIM
Bagi Bulan April - Jun 2024

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DAN HAFAZAN PERINGKAT KEBANGSAAN (MTQHK) TAHUN 1445H/2024M

Pada tahun ini, Pahang menjadi lokasi penganjuran Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTQHK) Tahun 1445H/ 2024M bermula pada 23 Mei hingga 28 Mei 2024 di Auditorium Darul Makmur, Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah menampilkan 110 peserta dari seluruh negara.



Kesemua pemenang diumumkan oleh Datuk Hakimah Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Majlis Penutupan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) telah dirasmikan oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanat Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Turut hadir, YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan YAB Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Menteri Besar Pahang.



INTERNATIONAL CONFERENCE OF RELIGIOUS LEADERS DAN MAJLIS ULAMA ASIA 2024

Hampir 2,000 ulama dan cendekiawan dari 57 negara, termasuk Setiausaha Agung Liga Dunia Muslim (MWL) dan Pengerusi Pertubuhan Ulama Islam, Sheikh Dr. Mohammed Abdulkarim Al-Issa, menghadiri Persidangan Antarabangsa Pemimpin Agama 2024 yang diadakan pada 7 hingga 8 Mei 2024 di Sunway Resort Hotel, Petaling Jaya, Selangor. Persidangan yang bertemakan Kesatuan Dalam Kepelbagaian (Unity Within Diversity) ini dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Program ini dianjurkan dengan kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Liga Dunia Muslim (Muslim World League), dan Arab Saudi (Rabitah al-Alam al-Islami). Turut hadir dalam persidangan ini ialah YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri 1; YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri 2; YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama); para Menteri Kabinet dan Duta-Duta Negara Asing.





PROGRAM *HALAL ON TRACK* (HOT)



Program *Halal On Track* (HOT) telah berlangsung di Persada International Convention Centre, Johor Bahru, Johor pada 6 Jun 2024. Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan turut dihadiri oleh YAB Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Sekretariat Majlis Halal Malaysia telah menerima kunjungan dan lawatan rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi pada 22 April 2024. Kunjungan delegasi Arab Saudi telah disambut dan disantuni sendiri oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Nai'm bin Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM dan pegawai-pegawai kanan JAKIM.

JAKIM PERKUKUH KERJASAMA SEKTOR HALAL BERSAMA KERAJAAN ARAB SAUDI



Majlis Pra Pelancaran Majlis Tilawah Al-Quran Dan Hafazan Peringkat Kebangsaan (MTQHK) Tahun 1445H/2024M

Majlis Pra-Pelancaran Majlis Tilawah Al-Quran dan Hafazan Peringkat Kebangsaan (MTQHK) Tahun 1445H/2024M bertempat di Hotel Swissbel, Kuantan, Pahang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Negeri Pahang bersama-sama YB Senator Dato' Dr. Setia Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



KETERUJAAN DI PAVILION AL-FALAH EKSPLO BUKU DAN PAMERAN AGENSI PENGURUSAN HAL EHWAH ISLAM SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR KALI KE-41 TAHUN 2024 (PBAKL24)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Penerbitan selaku penyelaras penyertaan Agensi Hal Ehwal Agama dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur Kali Ke-41 Tahun 2024 (PBAKL24) dengan kerjasama semua agensi di bawah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah menjayakan Program Ekspo Buku dan Pameran Agensi Pengurusan Hal Ehwal Islam sempena PBAKL24. Program ini telah berlangsung selama 10 hari bermula pada 24 Mei

hingga 2 Jun 2024 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Majlis Perasmian Pavilion dan Pelancaran Buku Baharu Terbitan Agensi Hal Ehwal Agama Tahun 2024 telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 31 Mei 2024 di Pentas Utama PBAKL24.



PROGRAM SANTUNI KOMUNITI MADANI DI PULAU PERHENTIAN, TERENGGANU



YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Haji Mokhtar, Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bersama Agensi Hal Ehwal Islam menyantuni masyarakat di Pulau Perhentian, Terengganu bagi Program Santuni Komuniti Madani pada 2 Jun 2024.

Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM melalui Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM200,000.00 kepada 500 orang asnaf fakir miskin di Pulau Perhentian. Seramai 70 orang pemandu bot juga turut menerima sumbangan Musa'adah dan bakul makanan sebanyak RM14,000.00.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) AGENSI-AGENSI DI BAWAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Agensi-AgenSI Di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Tahun 2023 telah berlangsung pada 25 Jun 2024 di Kompleks MAKSAM Presint 14, Putrajaya. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah seramai 376 orang. Anugerah ini telah disampaikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Nai'm bin Mokhtar.





PROGRAM ANAK MUDA HERO KELUARGA SEMPENA SAMBUTAN HARI BAPA 2024

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia telah menganjurkan Program Anak Muda Hero Keluarga sempena sambutan Hari Bapa 2024 bertempat di Dewan Azman Hashim, UTM Kuala Lumpur pada 29 Jun 2024. Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).





PROJEK DIGITAL ENTREPRENEURSHIP ASNAF DEA TAJAAN MAYBANK ISLAMIC BERHAD

Majlis Peluncuran Projek DEA telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 12 Mei 2024 bertempat di UTeM, Melaka.

Turut hadir dalam majlis ini:

- Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdullah, Timbalan Exco Pendidikan Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Melaka.
- Dr. Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Dato' Muzaffar Hisham, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Berhad.
- Datin Sri Munirah binti Che Rose, Pengarah Serantau Maybank Johor Melaka.
- Dr Akhtarzaite binti Abdul Aziz, Pengerusi Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad.
- Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



PROJEK JANA EKONOMI DIGITAL ASNAF (JEDA)

YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah merasmikan Projek Jana Ekonomi Digital Asnaf (JEDA) pada 22 Jun 2024 bertempat di Auditorium Menara Affin, Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Turut hadir:

- Tuan Haji Mohamad Kori bin Jusoh, Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM.
- Tuan Haji Musa bin Abdul Malik, Pengerusi Affin Islamic Bank Berhad.
- Tuan Haji Zafri bin Abdul Halim, Ketua Pegawai Eksekutif Etika Family Takaful Berhad



PERSIDANGAN JAWATANKUASA PENYELARASAN PENDIDIKAN ISLAM KEBANGSAAN MKI KALI KE-60 MENGANGKAT MARTABAT INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM

Persidangan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-60 anjuran JAKIM bersama Majlis Islam Sarawak serta Jabatan Agama Islam Sarawak telah bersidang pada 25 April 2024, bertempat di Hotel Hilton, Kuching, Sarawak.

Persidangan ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom, Pengerusi JPPIK MKI dan dihadiri oleh ahli-ahli JPPIK yang dilantik oleh MKI dengan perkenan Majlis Raja-Raja dan ahli-ahli dari setiap negeri yang dilantik oleh Raja Pemerintah Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Yayasan Islam Negeri.

Turut hadir:

- YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM merangkap Setiausaha JPPIK MKI.
- YBrs. Dr. Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM





KUNJUNGAN HORMAT H.E. MR. MD. SHAMEEM AHSAN, PESURUHJAYA TINGGI, KEDUTAAN BANGLADESH DI MALAYSIA KE JAKIM.

YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM telah menerima kunjungan hormat H.E. Mr. Md. Shameem Ahsan, Pesuruhjaya Tinggi Kedutaan Bangladesh di Malaysia ke JAKIM pada 18 April 2024. Kunjungan beliau ke JAKIM adalah bagi membincangkan potensi kerjasama halal kedua-dua negara di samping kerjasama lain dalam Hal Ehwal Agama Islam.





KUNJUNGAN JAKIM KE INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK (IKMAS)

Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, telah berkunjung ke Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) pada 25 April 2024 bagi merasmikan Laman Wakaf Agroteknologi IKMAS. Turut hadir bersama ialah YBrs. Dr. Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YBhg. Kolonel Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI, YBhg. Dato' Haji Zaidi bin Ramli, Pengarah Kanan Bahagian Dasar Kemajuan Islam dan YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN HAL EHwal ISLAM KEBANGSAAN (JAPHEIK) KALI KE- 4.



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Islam Kebangsaan (JAPHEIK) Kali Ke-4 telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara di Hotel Everly Putrajaya pada 4 Jun 2024.

Seramai 27 ahli telah hadir, terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) dengan perkenan Majlis Raja-Raja, wakil-wakil negeri yang dilantik oleh DYMM Sultan-Sultan / Raja dan TYT Yang Di-Pertua Negeri dan Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) masing-masing.





Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-124, Kuching, Sarawak

Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) Kali Ke-124 telah bersidang selama 3 hari mulai 26 Jun sehingga 28 Jun 2024 di Kuching, Sarawak bagi membincangkan beberapa pandangan hukum.

Muzakarah MKI dipengerusikan oleh YBhg. Dato' (Dr.) Haji Nooh bin Gadut dan dianggotai oleh Mufti negeri-negeri seluruh Negara dan pakar-pakar dalam bidang tertentu yg dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan.



Sesi Libat Urus Kajian Pemerkasaan Pengurusan Hal Ehwal Islam Di Malaysia

Sesi Libat Urus Pemerkasaan Pengurusan Hal Ehwal Islam telah diadakan melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) pada 20 Jun 2024 bertempat di Dewan Syura Aras 8, JAKIM. YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM telah mempengerusikan sesi libat urus yang dihadiri oleh Puan Noorleza Rajab, TP Bahagian Kanan, Sektor Dasar Perjawatan BPO JPA, Puan Zaidatul Akhmar TP Bahagian Dasar, BPO JPA (membentangkan gerak kerja Cadangan Model Baru Perjawatan JAIN), YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad TKP (Pengurusan), YBhg. Dato' Mohd Zaidi Ramli, PK BDKI, Pengarah JAIN Perlis, TP JAIN dan pegawai-pegawai kanan JAIN seluruh negara.





MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT AKADEMIK DARUL QURAN

Mesyyarat Jawatankuasa Penasihat Akademik (JKPA) Darul Quran JAKIM telah berlangsung pada 3 Mei 2024 di Bilik Syura Abu Bakar As-Siddiq, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Kampus Utama Bangi. Mesyyarat dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Dr. Haji Ruslan bin Said yang juga merupakan Pengerusi JKPA Darul Quran telah membincangkan pelbagai isu strategik berkaitan dengan program-program tahfiz al-Quran.



Kunjungan Hormat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM ke Institut Kanser Negara (IKN) Putrajaya

YBrs. Dr. Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Kunjungan Hormat ke atas YBrs. Dr. Mohd Anis bin Haron@Harun, Pengarah Institut Kanser Negara (IKN) pada 14 Mei 2024.

Kunjungan ini turut disertai oleh:

- Tuan Haji Mohd Norizan bin Abd. Ghani, Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) JAKIM.
- Puan Hazizah binti Yusoff dan Puan A'azah binti Awang Kechik dari Bahagian KSK.
- Encik 'Ammar bin Zulkiflee mewakili Yayasan Ihtimam Malaysia.





PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN NEGERI KE-42

Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Ke-42 telah membuka tirainya dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Dr. Haji Ruslan bin Said. Persidangan yang berlangsung dari 19 Mei hingga 21 Mei 2024 ini diadakan di Langkawi Seaview Hotel, Kedah Darul Aman. Pemilihan lokasi ini adalah bersempena dengan Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan 2024 yang turut diadakan di Langkawi.



PROGRAM CITRA KASIH BELIA ZON TIMUR TAHUN 2024

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Dakwah dengan kerjasama JPKK Pulau Redang telah menganjurkan Program Citra Kasih Belia Zon Timur Tahun 2024 dengan membawa tema “Al-Qawiiyyul Amin: Sinar Kasih Intergenerasi” mulai 7 hingga 8 Jun 2024 bertempat di Pulau Redang, Terengganu. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAKIM. Program ini melibatkan seramai 40 orang pelajar dari Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor dan warga belia serta penduduk di sekitar Pulau Redang, Terengganu.

Turut hadir bersama:

- YBrs. Tuan Haji Mohamad Kori bin Jusoh, Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM.
- YBrs. Ustaz Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, Pengarah Darul Quran JAKIM.
- YBrs. Encik Maarop bin Ismail, Pengerusi JPKK Pulau Redang.





Persidangan Ketua-Ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' (KPNCR) Kali ke-48

Persidangan Ketua-Ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' (KPNCR) Kali Ke-48 Tahun 2024 telah diadakan pada 11 Jun hingga 13 Jun 2024 bertempat di Hotel Grand Blue Wave (GBW). YBrs. Dr. Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM telah mempengerusikan persidangan yang menghimpun Ketua-ketua Pendaftar Nikah Cerai dan Ruju' seluruh Malaysia. Persidangan ini diurusetikan oleh Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



SENARAI PERTUKARAN KELUAR DAN MASUK PEGAWAI DI JAKIM BAGI BULAN APRIL - JUN 2024

Kumpulan Pengurusan & Profesional

PEGAWAI BERTUKAR MASUK

Bil	Nama Pegawai	Gred	Penempatan Asal	Penempatan Baharu	Tarikh Kuat Kuasa
1	Wan Mohd Hazan Amri bin Hasbullah	F54(M)	Jabatan Digital Negara	Bahagian Pengurusan Maklumat	1.4.2024
2	Hasli bin Othman	S44	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	Masjid Putra	1.4.2024
3	Ahmad Buhairi bin Nawawi	S44	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	Darul Quran	1.4.2024
4	Faizatul Herda binti Mohd Azaman	S44	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	Bahagian Dasar Kemajuan Islam	15.4.2024
5	Noraisyah binti Ali	C44	Kementerian Kesihatan Malaysia	Bahagian Pengurusan Halal	15.4.2024
6	Adli bin Zaini	DG44	Kementerian Kesihatan Malaysia	Bahagian Pendidikan	1.5.2024
7	Abdul Hafiz bin Abdul Karim	M44(M)	Kementerian Dalam Negeri	Bahagian Khidmat Pengurusan	2.5.2024
8	Mohd Abdul Salam bin Mat Kasim	DG48	Kementerian Pendidikan Malaysia	Bahagian Pendidikan	16.5.2024
9	Muhammad Afifuddin bin Mohd Zohdi	M48	Jabatan Peguam Negara	Institut Latihan Islam Malaysia	18.6.2024

PEGAWAI BERTUKAR KELUAR

1	Mohd Noor Sukrie bin Mohd Ridzuan	S44	Darul Quran	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	1.4.2024
2	Mohd Bukhari bin Haliah	S44	Bahagian Maqasid Syariah	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	1.4.2024
3	Nor Asniah binti Mohd Noh	S44	Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	15.4.2024
4	Zul Azli bin Ismail	DG54 (KUP)	Bahagian Pendidikan	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya	1.5.2024
5	Mohammad Asri bin Yushaidi	M41	Bahagian Khidmat Pengurusan	Kementerian Pendidikan Malaysia	2.5.2024
6	Mohd Shahril bin Muhamad Azmi	M48	Institut Latihan Islam Malaysia	Jabatan Peguam Negara	18.6.2024

PEGAWAI BERTUKAR DALAMAN

1	Mohd Hanafi bin Yusop	S44	Darul Quran	Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak	1.4.2024
2	Noorasikin binti Yaacob	S44	Bahagian Dakwah	Bahagian Pengurusan Halal	1.4.2024
3	Abdul Mutalib bin Abdul Rahim	S44	ILIM Kampus Lahad Datu	Bahagian Dakwah	1.4.2024

SENARAI PERTUKARAN KELUAR DAN MASUK PEGAWAI DI JAKIM BAGI BULAN APRIL - JUN 2024

PEGAWAI BERTUKAR DALAMAN					
Bil	Nama Pegawai	Gred	Penempatan Asal	Penempatan Baharu	Tarikh Kuat Kuasa
4	Riduan bin Mohd Roslan	S44	Bahagian Dakwah	Bahagian Pengurusan Halal	1.4.2024
5	Mohd Naim bin Mustafa	S44	Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah	Bahagian Dakwah	1.4.2024
6	Md Khairulzaki bin Misbah	S44	Bahagian Dakwah	Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar	1.4.2024
7	Johari bin Ab Latiff	S44	Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti	Majlis Halal Malaysia	15.4.2024
8	Hasli bin Othman	S44	Masjid Putra	Bahagian Dakwah	13.5.2024
9	Mohd Rezuan bin Dollah	S44	Bahagian Dakwah	Masjid Putra	13.5.2024
10	Rosnahni binti Ismail	S44	Bahagian Dasar Kemajuan Islam	Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti	10.6.2024
PEMANGKUAN PEGAWAI P&P					
1	Osman bin Abu Bakar	S48(M)	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	Bahagian Dakwah	2.5.2024
2	Majdi bin Mohamad Nor	S48(M)	Bahagian Penerbitan	Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar	2.5.2024
3	Imlah binti Abd Aziz	S52(M)	Bahagian Penyelidikan	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	1.6.2024
4	Jamal bin Abdul Halim	S52(M)	PDRM Bukit Aman	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	1.6.2024
5	Ehsan bin Mohd Hosni @ Mohd Kusni	S54(M)	Masjid Negara	Masjid Negara	6.6.2024
6	Nor Dalilah binti Zakaria	S48(M)	Bahagian Dakwah	PDRM Bukit Aman	15.6.2024
7	Datin Jamilah binti Mohd Zain	S48(M)	ILIM Kampus Besut	Bahagian Penyelidikan	15.6.2024
8	Mohd Saiful Azhar bin Jamil	S44(M)	Agensi Antidadah Kebangsaan	Agensi Antidadah Kebangsaan	15.6.2024
9	Mohd Hassan bin Ahmad Salleh	S44(M)	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang	15.6.2024
10	Mohd Azmi bin Ismail	S44(M)	IPK Perak	Jabatan Agama Islam Selangor	15.6.2024
11	Mohammad bin Abu Bakar	S44(M)	Jawatan Kumpulan JAKIM	Bahagian Dasar Kemajuan Islam	29.6.2024
PERSARAAN PEGAWAI P&P					
1	Kamarul Saman bin Yaacub	S48	Bahagian Dakwah	4.4.2024	
2	Fauziah binti Razap	S48	Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar	16.4.2024	
3	Mohd Anuar bin Abd Rani	DG52	Bahagian Pendidikan	7.5.2024	
4	Salahuddin bin Haji Ghazali	S54(M)	Masjid Putra	28.6.2024	

SENARAI PERTUKARAN KELUAR DAN MASUK PEGAWAI DI JAKIM BAGI BULAN APRIL - JUN 2024

Kumpulan Pelaksana

PEGAWAI BERTUKAR MASUK

Bil	Nama Pegawai	Gred	Penempatan Asal	Penempatan Baharu	Tarikh Kuat Kuasa
1	Siti Fairuz binti Mar Ramli	FA32 (TBK)	Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan	Darul Quran	1.4.2024
2	Salwa binti Johari	W29 KUP	Kementerian Kesihatan Malaysia	Bahagian Kewangan	4.4.2024
3	Fadhli bin Julkefly	S22 (TBK)	JAWI Labuan	JAKIM Sabah	15.5.2024
4	Zulsazry bin Nanak @ Latif	S19	IPD Kota Marudu	ILIM Kampus Kundasang	15.4.2024
5	Ahmad Zahiruddin bin Jamal Abdul Nasir	S19	PUSPEN Sepang	Bahagian Pengurusan Halal	15.4.2024
6	Rafidah binti Ab Rahman	N22 (TBK)	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	22.4.2024
7	Mohd Sharif bin Abd.Rahman	N19	Jabatan Kehakiman dan Syariah Malaysia	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	22.4.2024
8	Siti Azunis binti Zakaria	N11	Bahagian Pengurusan Hartanah	Bahagian Penerbitan	2.5.2024
9	Mohamad Aliff bin Kuniel	KP14	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	Bahagian Khidmat Pengurusan	4.6.2024
10	Rohaya binti Muda @ Ramli	W22	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia	ILIM Kampus Bangi	4.6.2024
11	Nurhidayah binti Joret	N19	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak	IKMAS	10.6.2024

PEGAWAI BERTUKAR KELUAR

1	Mohamad Zaid bin Omar	FA29	Darul Quran	Hospital Kuala Kubu Bharu	1.4.2024
2	Rawati binti Mamat	W29 KUP	Bahagian Kewangan	Jabatan Perkhidmatan Awam	4.4.2024
3	Maizatul Hiryaney binti Shafiei	N22 (TBK)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Jabatan Kehakiman dan Syariah Malaysia	22.4.2024
4	Nurnada binti Abdullah	N22 (TBK)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	22.4.2024
5	Noraidawati binti Hussin	N11	Bahagian Penerbitan	Bahagian Pengurusan Hartanah	2.5.2024
6	Aida binti Jahari	N32	Bahagian Pendidikan	Jabatan Peguam Negara	13.5.2024
7	Nooreme bin Ahmad	KP14	Bahagian Khidmat Pengurusan	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	4.6.2024
9	Rozi Rozalina binti Jaini	N19	IKMAS		10.6.2024

SENARAI PERTUKARAN KELUAR DAN MASUK PEGAWAI DI JAKIM BAGI BULAN APRIL - JUN 2024

PEGAWAI BERTUKAR KELUAR

Bil	Nama Pegawai	Gred	Penempatan Asal	Penempatan Baharu	Tarikh Kuat Kuasa
8	Rokiah bin Bachok	W22	ILIM Kampus Bangi	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia	4.6.2024
9	Rozi Rozalina binti Jaini	N19	IKMAS	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak	10.6.2024

PEGAWAI BERTUKAR DALAMAN

1	Abdul Rahim bin Kamis	S22 (TBK)	Bahagian Penyelidikan	Institut Latihan Islam Malaysia	15.4.2024
2	Norhazalinda binti Zainal Abidin	S19	Bahagian Pengurusan Halal	Bahagian Penyelidikan	15.4.2024
3	Mohamad Pairuz Suhairi bin Abdullah	S32 (TBK)	Bahagian Dakwah	Unit Komunikasi Korporat	13.5.2024
4	Faizalizuan bin Abu Bakar	S29	Unit Komunikasi Korporat	Bahagian Dakwah	13.5.2024





ISTIMEWA UNTUK PELANGGAN KEDAI BUKU JAKIM

Diskaun Menanti Anda!

10%
Pembelian
RM51 - RM300

20%
Pembelian
RM301 - RM1,000

30%
Pembelian
RM1,001 - RM1,500

40%
Pembelian
RM1,501 ke atas

Sumber: Surat Kelulusan Penurunan Harga Buku/ Jurnal Terbitan BAHEIS/ JAKIM (Potongan Dalai) daripada Kementerian Kewangan Bilangan KK/BP 10/441/707/711/1 Jld.6(56) bertarikh 13 September 2005.

**JOM TEMPAH
JOM BELI!**



Katalog & Pembelian
Buku Terbitan JAKIM

25%

Bagi setiap pembelian oleh
warga agensi di bawah
JPM, MAIN & JAIN
seluruh Malaysia

Sumber: Surat Kelulusan Kadar Diskaun bagi Pembelian Buku Terbitan JAKIM oleh Kakitangan JAKIM, Agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) seluruh Malaysia daripada Pejabat Ketua Setiausaha Negara Bilangan PM(T) 1076617/2 bertarikh 24 Ogos 2014.



JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM

Buku Baharu Terbitan 2024

Tafsir Pedoman Muttaqin Juzuk 30 Jilid 1 & 2

Penulis: Almarhum Dr. Abdul Hayei Bin Abdul Sukor



Tujuan penulisan tafsiran ini adalah untuk menzahirkan kefahaman yang mudah kepada masyarakat dengan kandungan buku yang bersifat ilmiah, menarik, kupasan yang kontemporari dan perbincangan isu semasa yang relevan dengan cabaran dan situasi umat Islam masa kini. Tafsiran yang dibuat juga dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam Malaysia khususnya golongan pelajar yang ingin mendalami ilmu dalam bidang tafsir tetapi tidak berkemampuan merujuk kitab-kitab tafsir dalam Bahasa Arab. Penulis memberi keterangan juzuk 30 secara jelas dari sudut terjemahan, munasabah ayat, pengajaran dan saranan kepada masyarakat dalam penulisan ini.

Citra Perjuangan Sahabiah Inspirasi Sepanjang Zaman

Penulis: Puan Norsaleha binti Mohd. Salleh



Sahabiah ialah golongan wanita yang hidup sezaman dengan Rasulullah SAW dan mereka pernah bertemu dengan baginda. Pandangan Rasulullah SAW terhadap wanita selari dengan ayat-ayat al-Quran al-Karim yang meletakkan wanita sebagai saudara kepada kaum lelaki, saling melengkapi dan bantu membantu ke arah kebaikan dan takwa. Pelbagai kisah para sahabiah diceritakan melalui penulisan-penulisan dalam sirah Rasulullah SAW. Kisah para sahabiah adalah sebahagian daripada inspirasi dan motivasi yang menyentuh jiwa dan perasaan. Sebahagian daripada kisah-kisah sahabiah ini termaktub di dalam al-Quran al-Karim, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kisah 'Aisyah binti Abu Bakar, Zainab binti Jahsy, Ummu Salamah, Hafsa binti Umar, Khawlah binti Tha'labah adalah antara nama-nama yang dikaitkan dengan kisah-kisah yang disebut di dalam al-Quran al-Karim.

Koleksi Hadis Akhlak Terpuji

Penulis: Prof. Dr. Makmor Tumin & Dato' Prof. Zulkifli Mohd Yusoff

Hadis-hadis akhlak ini amatlah penting kerana perbincangan hadis tentang aqidah dan ibadah sememangnya telah banyak dilakukan dalam keadaan terdapatnya pelbagai tuduhan terhadap Islam, baik dari segi kemunduran, masalah integriti, mahupun kelemahan akhlak. Usaha-usaha meneguhkan hadis-hadis tentang akhlak seumpama ini perlulah mendapat sokongan ramai, bukan sahaja melalui institusi-institusi masjid dan madrasah, tetapi juga melalui media, lebih-lebih lagi usaha dari pihak institusi-institusi pengajian tinggi itu sendiri.



Disiplin Ilmu Tasawuf yang Autentik Wahana Pemantapan Pembangunan Modal Insan

Penulis: Profesor Emeritus Dato' Zakaria Stapa



Kekeliruan dan kekaburan terhadap disiplin ilmu tasawuf berkait juga dengan wujudnya fenomena dan gejala ajaran sesat yang muncul daripada semasa ke semasa di tengah masyarakat. Kesemua perihal yang terbabit dengan disiplin ilmu tasawuf sehingga disiplin ilmu tersebut kelihatan tercalar citra dan imejnya daripada perspektif ajaran Islam disentuh dan diberikan pencerahan sewajarnya dalam tulisan ringkas ini, sehingga terlihat jelas disiplin ilmu ini merupakan disiplin ilmu Islam yang autentik. Sesungguhnya keabsahan disiplin ilmu amat perlu dipertegas dan disebar luas di tengah masyarakat kerana ia merupakan satu disiplin ilmu yang penting kepada kelestarian hidup beragama ummah dunia-akhirat.



Buku Bertemakan Kekeluargaan



Gerbang Perkahwinan Berasaskan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan (MBPKI) Edisi Kemas Kini

Penulis: JAKIM

Buku ini sesuai dijadikan bahan bacaan dan rujukan kepada pasangan yang akan mendirikan rumah tangga. Setiap pasangan Muslim yang mendirikan rumah tangga telah melaksanakan sebahagian daripada tuntutan ibadah malah perkahwinan merupakan satu fitrah kejadian manusia. Buku ini mengupas hal ehwal berkaitan tasawwur Islam, perkahwinan, prosedur perkahwinan, tanggungjawab dan komunikasi suami isteri, pengurusan kewangan, kesihatan, stres dan konflik, pembubaran perkahwinan, majlis akad nikah dan walimatulurus.

Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam, Jilid 1-3

Penulis: Abdullah Nasih 'Ulwani

Pendidikan anak-anak merupakan satu cabang daripada bidang pendidikan yang diutamakan oleh Islam untuk membentuk anggota masyarakat yang berguna. Pendidikan anak-anak kalau diusahakan dengan sebaik-baiknya nescaya akan menjadi asas yang teguh bagi melahirkan anggota masyarakat yang berpendidikan. Oleh itu, umat Islam perlu mengetahui prinsip agama dan cara sewajarnya untuk dilaksanakan ketika mendidik anak-anak.



Tanggungjawab Ibu Bapa & Anak Menurut Al-Quran dan Sunnah

Penulis: JAKIM

Penerbitan karya ini bertujuan menjelaskan tanggungjawab ibu bapa dan anak-anak sebagaimana yang dikehendaki oleh syariat Islam selain menjadi garis panduan oleh setiap ibu bapa terhadap anak-anaknya semenjak dilahirkan ke dunia sehingga mencapai umur dewasa. Kemudian, mereka mempunyai tanggungjawab pula terhadap ibu bapa, masyarakat dan negara. Kesalingan peranan ini diperincikan penjelasannya menggunakan dalil naqli.

Kesilapan Mendidik Anak, Suara Hati Untuk Ayahanda Tercinta

Penulis: Abdul Latif bin Hajis Al-Ghamidi

Buku ini memuatkan suara hati sesetengah anak kepada bapa-bapa mereka. Ia mengungkap permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak dan diadaptasikan melalui butiran tutur kata tersusun yang mencerminkan cita-cita, harapan dan suara hati mereka. Melalui buku ini, bandingkanlah cara anda mendidik anak-anak dengan cetusan rasa yang dimuatkan dalam bentuk penulisan ini dan baikkah apa-apa kekurangan yang anda sedari.



Pendidikan Seks Mengikut Perspektif Islam

Penulis: Dr. Rokiah binti Ahmad

Pergaulan bebas, sumbang mahram, homoseksual dan lesbian adalah sebahagian perlakuan yang berkaitan dengan seks. Disadari atau tidak, perlakuan ini lama-kelamaan akan menjadi satu penyakit dalam masyarakat jika tiada upaya untuk membendungnya. Mengatasi kejahilan ini, ibu bapa selaku orang yang bertanggungjawab dalam pembentukan sebuah keluarga perlu memainkan peranan yang besar dalam mendidik anak-anak supaya mereka dapat membezakan antara baik dan buruk. Ikutilah perbincangan ringkas mengenainya dalam buku ini.

Pendidikan Remaja Muslim

Penulis: Prof. Madya Dr. Hasnan bin Kasan

Mendidik anak-anak menjadi remaja yang berjaya dalam kehidupan memerlukan pengetahuan yang luas. Ibu bapa, guru dan masyarakat mempunyai peranan yang utama dalam proses ini. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab mendidik ini menjadi punca utama remaja bermasalah. Sebagai remaja, mereka bukan hanya sekadar dididik, diajar, diasuh dan dibimbing tetapi perlu mempunyai pengetahuan diri mengenai aspek-aspek dalam pendidikan Islam untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian.

